



## CENFED, AKEPT anjur Kursus Pembangunan Transformasi Pensyarah Muda

Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sesebuah IPT bagi membentuk pelajar yang berketerampilan dan menghasilkan modal insan minda kelas pertama, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED) menganjurkan Kursus Pembangunan Kepimpinan dan Transformasi Pensyarah Muda bertempat di Hotel MS Garden Kuantan pada 24 November 2011 yang lalu.

Menurut Pemangku Pengarah CENFED, Tuan Haji Jamil Basri, modul kursus kali ini mensasarkan keperluan dalam memenuhi sebahagian daripada latihan kepimpinan projek agenda kritikal (CAPS) dan pemahaman Pelan Transformasi Negara (GTP dan ETP) di kalangan pensyarah muda.

"Pensyarah juga didedahkan mengenai pemahaman terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), kepimpinan akademik dan kenegaraan," katanya.

Kursus menampilkan penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing. Mereka terdiri daripada Pengarah Bahagian Hubungan Universiti

Industri, Kementerian Pengajian Tinggi, Profesor Dr Shamsuddin Baharin yang mengupas tajuk kekuatan hubungan universiti-industri.

Hadir sama, Pengurus Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Lokman Affandy Yahya yang membentangkan tajuk Pelan Transformasi Negara (GTP) dan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Peserta juga berpeluang meningkatkan pemahaman mengenai Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Projek Agenda Kritikal (CAP) dalam ceramah yang disampaikan oleh Pengarah, Pejabat Pengurusan Prestasi (PMO) KPT, Profesor Madya Dr Harsiesta Aini Haroon.

Program turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dalam menyampaikan ceramah yang bertajuk "Kepimpinan Akademia dan Pengurusan Organisasi Cemerlang" serta perbincangan mengenai kenegaraan yang disampaikan Pengarah Biro Tatanegara Pahang, Hamizi Yaakub.

